



جابتن فرخدمتن ویتیرینر نگرې کلنتن

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
NEGERI KELANTAN**

Jalan Sultan Yahya Petra, Kubang Kerian,
16150 Kota Bharu Kelantan

Tel : 09-765 2545 / 09-765 2811 Fax : 09-765 1178

Email : veterinar@kelantan.gov.my



KENYATAAN MEDIA

**SEMPENA LAWATAN YB TIMBALAN MENTERI PERTANIAN & INDUSTRI
MAKANAN II KE LADANG ITIK PENELUR DDD FARM, KG DELIMA, TUMPAT**

1. Industri ternakan unggas di Malaysia merupakan salah satu industri yang menjadi penyumbang utama kepada sumber protein negara.
2. Komoditi unggas mencatatkan 98.2% bagi daging ayam/itik dan 113.6% bagi telur ayam/itik pada tahun 2019.
3. Itik dara mula menghasilkan telur pada umur antara 5 hingga 5.5 bulan. Puncak pengeluaran telur sehingga 92% dihasilkan oleh itik yang berumur 30 - 72 minggu dengan berat telur yang ideal 65-70 gram/biji.
4. Jumlah populasi itik di Malaysia pada tahun 2019 adalah sebanyak 9,143,034 ekor.
5. Pada tahun 2019, terdapat sebanyak 204 ladang itik penelur di Malaysia kapasiti sebanyak 2,177,952 ekor itik dan pengeluaran sehingga 163,346,400 biji telur (11,434.25 tan metrik/tahun). Daripada jumlah tersebut, 38% ladang adalah di Negeri Kelantan (78 ladang) dengan kapasiti 30,234 ekor itik dan menyumbang pengeluaran telur sebanyak 2,267,550 biji(158.73 tan metrik /tahun).
6. Pada tahun 2020, bilangan ladang itik berkurang kepada 61 buah sahaja dengan kapasiti 38,855 ekor itik dan jumlah pengeluaran telur itik meningkat meningkat kepada 2,539,125 biji (177.74 tan metrik/tahun) berbanding tahun 2019.

BERTANI SATU IBADAH

7. Dengan keadaan ekonomi semasa dan pandemik Covid-19 yang tidak menentu, para penternak menghadapi cabaran untuk terus kekal konsisten dalam industri pengeluaran telur itik di Malaysia.
8. Antara cabaran utama yang sedang dihadapi adalah kenaikan harga makanan ternakan yang melambung tinggi. Maklumbalas pemain industri dalam penternakan dan persatuan pengilang makanan ternakan mengesahkan berlakunya kenaikan harga makanan ternakan sehingga 4-5%.
9. Harga bahan mentah utama makanan ternakan ini adalah ditentukan oleh harga pasaran komoditi dunia dan beberapa faktor antaranya :
 - i. Malaysia masih bergantung kepada pengimportan bahan mentah utama makanan ternakan seperti jagung bijian yang diimport daripada negara Argentina dan Brazil.
 - ii. Pengeluaran jagung bijian tempatan masih belum mencapai keperluan komersil pengilang dari segi kuantiti dan kualiti.
 - iii. Tiada bahan mentah gantian (*substitute*) yang bersesuaian bagi bahan mentah utama yang digunakan dalam makanan ternakan terutamanya untuk makanan unggas seperti ayam pedaging dan penelur.
10. Pelan Cadangan Intervensi :
 - i. Kerjasama strategik antara pelbagai jabatan/agensi di bawah MAFI bersama pemain industri bagi meningkatkan pengeluaran jagung bijian tempatan secara komersil dan kajian lebih menyeluruh berkaitan kos kawalan penyakit serta peningkatan kualiti jagung bijian tempatan yang kos pengeluaran, dapat memenuhi keperluan pengilang makanan ternakan.
 - ii. Mendapatkan sumber bekalan bahan mentah makanan ternakan daripada negara jiran Asia seperti Indonesia dan Thailand berbanding Brazil dan Argentina bagi mengurangkan kos logistik.
 - iii. Mempergiatkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan bagi menghasil dan memperkenalkan bahan mentah gantian yang bersesuaian sebagai bahan mentah utama dalam penghasilan makanan ternakan khususnya untuk makanan unggas (pedaging dan penelur).

11. Diharapkan Pelan Cadangan Intervensi ini dapat menstabilkan harga makanan ternakan seterusnya memangkin pertumbuhan industri penternakan di Malaysia.
12. Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan sentiasa menyokong dan memberikan kerjasama kepada pemain industri agar lebih berdaya saing selari dengan perubahan semasa bagi mendepani cabaran pasca Covid19.

Disediakan :

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan

20 Februari 2021